



SIMBOLIK pelancaran program *MyBestBuy* yang dilancarkan oleh Badruddin (kanan) dan Harun (kiri).

Fama wujudkan K-Shoppe & KopieSatu di UMS

UB 11-3-2016 A2

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Penubuhan kedai K-Shoppe dan KopieSatu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) buka peluang untuk pelajar mendalami urus tadbir bidang perniagaan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, kedua-dua kedai berkenaan bakal dibina dalam masa terdekat dibawah program Kelab Usahawan Siswazah Tani (*MyAgrosis*) UMS.

Menurutnya, Fama memperuntukkan sebanyak RM75,000 untuk menubuhkan kedai K-Shoppe di UMS dalam tempoh enam bulan ini.

“Urus niaga kedai-kedai ini akan dijalankan sendiri

oleh pelajar dan Fama melihat pendekatan ini memberi semangat dan dorongan kepada mereka.

“Para pelajar bukan sahaja dapat menambah pengetahuan dalam bidang perniagaan, malah ini juga peluang untuk mereka menggunakan kebijaksanaan dalam mempertingkatkan kemahiran diri masing-masing.

“Fama yakin, perniagaan yang ditawarkan kepada pelajar ini adalah satu urus niaga yang boleh membawa keuntungan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Program Ceramah Motivasi Keusahawanan dan Pelancaran Kelab *MyAgrosis* UMS dan *MyBestBuy* di sini kelmarin.

Badruddin berkata, K-Shoppe adalah sebuah kedai yang menjual barangan

keperluan dan ia dikendalikan oleh ahli Kelab *MyAgrosis* UMS.

Selain itu jelasnya, kedai KopieSatu yang berkonsepkan francais akan dibina selepas penubuhan kedai K-Shoppe.

Menurutnya, ia adalah kedai minuman kopi tempatan yang mempunyai cawangan di universiti.

“Selepas tamat pengajian, graduan yang mahu menguruskan perniagaan kedai KopieSatu akan dibantu oleh Fama untuk berniaga.

“Sebelum ini juga, di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKal) kita menjalankan program penanaman cili dan pelajar menjual hasil tanaman mereka di sekitar kampus,” katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.